

**Najib Ketua Delegasi Ke Mesyuarat APEC Di Russia
Bernama
4 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat pemimpin-pemimpin ekonomi (AELM) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-20 di Russia pada 8 dan 9 Sept.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan berkata Perdana Menteri akan diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, beberapa menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

Sidang kemuncak tahunan bertema "Integrate to Grow, Innovate to Prosper" itu akan dihadiri ketua negara dan kerajaan dari 21 ekonomi di rantau Asia Pasifik, akan didahului dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Apec (AMM) ke-24 pada 5 dan 6 Sept dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Apec pada 2 dan 3 Sept.

Najib, yang juga Menteri Kewangan akan membincangkan pelbagai isu membabitkan liberalisasi pelaburan dan perdagangan dan integrasi ekonomi serantau, pengukuhan jaminan makanan, mewujudkan rangkaian bekalan berdaya saing dan kerjasama pemupukan pertumbuhan inovatif, menurut kenyataan itu.

Perdana Menteri juga akan menerokai idea-idea baharu dan inovatif bagi meningkatkan lagi kerjasama di kalangan 21 ekonomi APEC.

Najib juga dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan beberapa pemimpin APEC termasuk Presiden Russia Vladimir Putin selaku tuan rumah mesyuarat.

Hasil perbincangan pada mesyuarat itu akan dimaktubkan dalam Deklarasi Bersama Pemimpin-pemimpin manakala hasil perbincangan AMM ke-20 akan dimaktubkan dalam Kenyataan Bersama Menteri.

APEC, forum yang diwujudkan pada 1989, bagi 21 anggota ekonomi Lingkaran Pasifik untuk membincangkan isu-isu mengenai kerjasama ekonomi serantau serta perdagangan dan pelaburan, menyumbang bagi 55 peratus keluaran dalam negara kasar dunia dan 49 peratus perdagangan global.

APEC dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, Hong Kong, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691991>